



Haslinda dan ibunya pergi ke bandar untuk membeli-belah. Mereka sungguh seronok kerana barang yang mereka perlukan telah diperolehi. Mereka pun menuju ke kereta untuk pulang ke rumah.

Haslinda mengajak ibunya memelihara anak kucing itu. Ibunya bersetuju. Lantas, Haslinda mengelek anak kucing itu ke kereta dengan perasaan yang amat gembira.

Tiba-tiba Haslinda ternampak seekor anak kucing sedang mengekori mereka. Anak kucing itu amat kotor dan kurus. Haslinda berasa amat kasihan melihat keadaan anak kucing itu lalu memberitahu ibunya.

Haslinda menamakan anak kucing itu Osin kerana bulunya berwarna oren. Selepas itu, Haslinda memberi Osin makan makanan yang berkhasiat. Kini, Haslinda memiliki tiga ekor kucing yang comel iaitu Si Osin, Si Putih dan Si Tompok.

Haslinda mendukung anak kucing itu. Walaupun kotor tetapi anak kucing itu masih kelihatan amat comel. Haslinda ingin sungguh memelihara anak kucing itu.

Setibanya di rumah, tanpa membuang masa lagi Haslinda dan ibunya terus membersihkan dan memandikan anak kucing itu. Anak kucing itu sungguh jinak dan mudah untuk dimandikan. Haslinda berasa sangat seronok melihat anak kucing itu semakin comel selepas dilap bulunya.